

BAHASA MELAYU, KELEBIHANNYA DAN KEKURANGANNYA

OLEH: ZA'BA

VII

9 - WAJIBNYA MEMPERKAJIKAN BAHASA MELAYU

“..... Semua orang Melayu pun tahu bercakap Melayu, kerana iaitu bahasa mereka sendiri. tetapi selain daripada hanya tahu bercakap itu kita banyak cawangan-cawangan pengajiannya yang sangat mustahak dipelajari betul-betul dan dihaluskan penyiasatan di dalamnya

“..... Bahasa ini dengan segala cawang-cawang pengajiannya yang tersebut itu walau macam mana miskin pun ialah bahasa pusaka kita: Di dalamnya tersimpan roh dan semangat kebangsaan dan kebudayaan kita”. Kata Tuan Za'ba antara lain-lain dalam karangannya yang berharga ini – P.Q.

Daripada segala hal yang telah disebutkan sejauh ini nampaklah bagaimana wajibnya dan mustahaknya anak-anak Melayu dan (Indonesia) tingkat muda-muda yang berpelajaran tinggi sekarang baik pun mereka telah mendapat pelajarannya itu di Eropah atau di Mesir atau di Mekah atau di India atau di negeri Cina atau di negeri Jepun atau di Amerika – hendaklah mereka mengambil berat menggemarkan diri lebih daripada yang sudah-sudah memperkajikan selok-belok bahasa mereka sendiri ini dan segala perkara yang bersangkutan dengannya: iaitu menggemarkan diri akan pengajian-pengajian bahasa Melayu dan segala cawangannya hingga kepada had yang mencapai lebih jauh dan lebih dalam daripada semata-mata boleh bercakap sahaja akan bahasa sendiri ini. Kerana jika sekadar tahu bercakap sahaja itu tidaklah payah lagi dipelajari.

Semua orang Melayu pun tahu bercakap Melayu, kerana iaitu bahasa mereka sendiri. Tetapi selain daripada hanya tahu bercakap itu banyak cawangan-cawangan pengajiannya yang sangat mustahak dipelajari betul-betul dan dihaluskan penyiasatan di dalamnya – nahunya, lughahnya, karang-mengarangnya, persuratannya, natanya, syairnya, bidalan-bidalannya, tawarikhnya, adat-resam orang-orangnya, kepercayaan mereka, keadaan agama mereka, laku perangai mereka, jalan-jalan fikiran mereka, pemandangan di atas hal ehwal hidup, sifat-sifat kelebihan dan kekurangan mereka, hal ehwal kehidupan mereka, perusahaan mereka, pertukangan mereka, iqtisad mereka, dan lain-lain lagi. Pendeknya segala perkara yang termasuk dalam makna “kebudayaan Melayu” amatlah mustahak diberati dan diperkajikan oleh tiap-tiap anak Melayu yang ada kecenderungan kepadanya, istimewa

pula anak-anak Melayu yang telah mendapat pelajaran tinggi zaman ini, supaya jangan jahil akan hak punya kita sendiri.

Bahasa ini dengan segala cawang-cawang pengajiannya yang tersebut itu walau macam mana miskin pun ialah bahasa pusaka kita: di dalamnya tersimpan roh dan semangat kebangsaan dan kebudayaan kita. Kerja yang masih hendak dibuat bagi bahasa ini dan dalam bahasa ini amatlah banyaknya lagi – boleh dikata tiada berhad hingga, atau amat jauh lagi akan sampai kepada perenggan sempadan yang mencukupi; di antaranya ialah kerja menyusun dan mengaturkan butir-butir kaedah nahunya yang sempurna, mengumpul dan mengadakan kamus-kamusnya yang lengkap dan baik, membentuk dan menetapkan perkataan-perkataan istilahnya dan perbahasan ilmunya, menyiasat dan memperkajikan tawarikhnya dan usul asal perkataannya dan kait-mengaitnya dengan bahasa-bahasa yang sepancarnya, memaju dan meluaskan persuratannya dengan mengarang dan mengeluarkan banyak-banyak lagi buku-buku baharu daripada segala jenisnya, dan membanyakkan karangan

hikayat-hikayat dan cerita-cerita rekaan baharu yang asal Melayu betul. Dikarangkan dengan bahasa Melayu yang elok dan betul dalam karangan nathar dan syairnya, dan lain-lain lagi supaya meluaskan medan persuratannya.

Maka bagi yang akhir ini wajiblah jangan hanya semata-mata mengopi, meniru, menyalin dan menterjemah sahaja daripada buku-buku dan cerita-cerita dalam bahasa lain; tetapi selain daripada menyalin dan menterjemah itu hendaklah juga penulis-penulis kita belajar melatih diri mempunyai penggambar fikiran sendiri yang boleh mengeluarkan karangan-karangan baharu dan mengadakan sumbangan persuratan baharu yang asal daripada kita sendiri dan yang belum pernah ada dalam mana-mana bahasa pun. Kita hendaklah mengeluarkan buku-buku dan cerita-cerita yang terbit daripada otak dan fikiran sendiri betul, bukan salinan atau tiruan atau saduran. Bahan-bahan bagi karangan cerita-cerita asal demikian itu sentiasa ada sedia dan berlaku berapa banyaknya di hadapan kita dan di keliling



Pegawai Persatuan Penuntut-penuntut Madrasah al-Sa'adah Temoh Perak, bergambar setelah menubuhkan persatuannya.

kita di seluruh alam Melayu ini, bersama-sama dengan segala kedudukannya dan perkelilingnya dan dengan berbagai-bagai halnya dan gambarannya dan warna-warnanya yang khas bagi negeri kita dan orang-orang kita sendiri di sini seberapa dan sebagaimana jua yang dikehendaki.


Apa perkaranya dan kejadiannya yang hendak diambil dijadikan matan dan isi cerita-cerita itu terpulanglah kepada pilihan masing-masing pengarang; tetapi di antara gambaran-gambaran dan warna-warna khas yang boleh dianyamkan ke dalam daging cerita itu adalah umpamanya pemandangan-pemandangan dari kehidupan Melayu di kampung-kampung, sawah bendangnya, kerja menangkap ikan di lubuk-lubuk dan di sungai-sungainya, burung-burung, pokok-pokok dan hutan belukarnya. Keadaan kampung halamannya dan kerbau kambingnya; kehidupan dalam bulan puasa, masa hari raya, musim durian; kahwin paksa, bercerai-berai antara laki isteri, berbini dua atau lebih, beremak tiri; hal ehwal bermain muda di antara pemuda-pemuda kampung, perlawanan pantunan, hal berkasih-kasihnya, dan adat pinang-meminangnya; berjenis-jenis kejadian ramai seperti kenduri-kendara. Nikah kahwin, menegak rumah, berjikir menghalau hantu dan sebagainya; senang-susahnya kehidupan orang kampung, sakit peningnya; kemiskinan yang dahsyat pada kedudukan di rumah masing-masing, kerendahan darjat hidup mereka hari-hari, keadaan tak tahu menjaga rumahtangga – sentiasa bersepah-sepah semak-samun dan tiada kemas, rumah kediaman yang kotor dibawah oleh longkang dan limbahan yang tak pernah kering atau oleh reban ayam dan kambing, kelakuan bercakap yang suka menyumpah-nyumpah dan mencarut-carut; pembawaan hati yang cenderung kepada malas dan gemar duduk berbual-bual kosong, fikiran yang sedia hendak berpegang kepada nasib dan takdir apabila sesuatu perkara tiada betul jadinya, kepercayaan akan perkara-perkara karut dan adat-adat bodoh; percayakan pengaruh hantu setan menyebabkan segala penyakit, percayakan kejadian segala sakit pening daripada gangguan, tukang

ubat di kampung-kampung, bidan dan tukang urut, peri hal beranak dan mati; dan beratus-ratus bahkan beribu-ribu hal yang lain lagi yang boleh dimasukkan buat memberi warna Melayu kepada cerita-cerita itu. Maka jika cerita itu ditempatkan di bandar-bandar pula bolehlah dimasukkan gambar joget dan ronggeng, kumpulan minum-minum dengan perempuan-perempuan penari. Kelakuan budak-budak “loper” yang tiada mendapat didikan halus, majlis-majlis perjumpaan siyasa, mesyuarat alim ulama yang berjela-jela ucapannya, dan sebagainya.

Penuntut-penuntut dari Mesir umpamanya setelah mereka tamat pengajian di Sorbon, di London, di Oxford, di Cambridge dan lainnya apabila mereka balik ke negerinya mereka pun menulis dan mengarang kitab-kitab dalam bahasa Arab – jika tidak mengarang buku-buku ilmu siasatan kependetaan maka barangkali mereka jadi pengarang suratkhbar dan majalah-majalah yang tinggi darjatnya dalam bahasa mereka sendiri, atau pun mereka mengarang cerita-cerita rekaan yang tinggi adabnya mencerminkan hal ehwal kehidupan manusia di Barat atau di Timur untuk jadi pengajaran dan iktibar. Demikian pula penuntut-penuntut bahasa Cina, Jepun, India dan lain-lain orang Timur yang mendapat pelajar di Eropah dan di Amerika. Maka adakah jadi berlebihan daripada patut jika kita berharap pada masa ini bahawa penuntut-penuntut kita Melayu yang belajar di negeri-negeri Barat dan lain-lainnya itu pun hendaklah berbuat demikian pula, sekurang-kurangnya sebagai suatu “hobi” untuk menyuka-nyukakan hati dan memenuhi masa-masa yang lapang??

Bagi anak-anak Melayu yang telah mendapat pelajaran Barat yang tinggi dan telah tahu menulis dan membaca Melayu. Jika hendak memulakan mengambil berat menggemarkan diri semula kepada pengajian-pengajian bahasa Melayu dan persuratannya tidaklah susah. Jika telah pandai bahasa Inggeris atau bahasa Belanda maka carilah buku-buku bahasa Melayu dan

Sambungan pada muka 23



Kolej Tentera Diraja – Baghdad Iraq

Sambungan dari muka 18

nahu Melayu dan kamusnya dan buku perumpamaan Melayu dan sebagainya yang telah terkarang dalam salah satu bahasa itu: Baca dan fahamkan isinya, fikir-fikirkan betul salahnya, nilai dan uji hingga mana betul dan tiada betulnya itu dengan membandingkan kepada pengetahuan sendiri yang telah sedia ada masing-masing kerana kita orang Melayu. Cacati mana yang tiada betul rasanya dan fikirkan halus-halus bagaimana yang betulnya, kemudian karangkan dia dalam bahasa Barat yang diketahui itu untuk mana-mana majalah pengetahuan Timurnya. Buku-buku yang berkenaan dengan pengajian bahasa Melayu dan segala siasatan yang bersangkutan dengannya itu

ada banyak telah terkarang dalam salah satu daripada dua bahasa yang tersebut itu. Banyak daripada isinya yang betul, tetapi ada juga yang tersilap atau tiada tepat betulnya, kerana maklumlah pengarangnya itu bukan orang Melayu yang telah tahu bahasa Melayu semenjak dari kecil sebagai bahasa sendiri yang sejalan jadi dengan diberi mereka.

Misalan dalam kamus Melayu – Inggeris Wilkinson itu sungguhpun telah sedia banyak perkataan dan pematihan Melayu yang terkumpul olehnya di situ, dan setengahnya orang Melayu sendiri pun tidak semuanya tahu akan dia kerana iaitu khas terpakai oleh orang-orang Melayu pada negeri-negeri dan di daerah-daerah yang tertentu sahaja dalam Tanah

Melayu, tetapi ada banyak tampaknya pula yang kita dapati tersalah ia memaknakan sesuatu perumpamaan atau pematihan, atau kurang makna yang diberinya bagi sesuatu perkataan; dan terkadang pula sesuatu perkataan yang kita ketahui dan kita cari di dalamnya tidak ada berjumpa kerana tiada sampai kepada pengetahuan pengarangnya itu masa ia mengumpulnya dahulu. Demikianlah juga dalam kamus Melayu – Belanda yang telah dikarangkan oleh pendeta-pendeta Belanda seperti A.L.N. Kramer, Van Ronkel, H.C. Klinkert, dan lainnya. Maka apa-apa yang didapati daripada segala kesilapan dan kekurangan yang seperti tersebut itu kumpulkanlah dan karangkan yang betulnya atau tambahannya dalam bahasa Inggeris atau Belanda pula siarkan dalam salah satu majalah pengetahuan Timur seperti tadi juga. Ada pun tentang kesilapan dan kekurangan dalam kamus-kamus itu memang berlaku pada kamus segala bahasa pun, kerana isi kamus walaupun kamus jua sampai bila pun tidakkan boleh cukup lengkap dengan selengkap-lengkapnyanya tiada sedikit kekurangan. Kamus bahasa-bahasa Eropah sendiri pun walau beberapa besar, tidak sunyi daripada kekurangan dan keciciran yang demikian itu.

Kemudian selain daripada memperkajikan apa-apa yang telah ditulis dan karangkan oleh penyiasat-penyiasat Barat dari hal bahasa Melayu itu hendaklah pula penuntut-penuntut Melayu terpelajar Barat yang hendak mendalami pengajian Melayunya ini usaha membaca buku-buku dalam bahasa Melayu sendiri, dari karangan tuan-tuan semenjak 300 – 400 tahun dahulu hingga kepada karangan-karangan baharu yang keluar sekarang ini. Kumpulkan segala buku-buku dan hikayat-hikayat dan syair-syair Melayu apa yang dapat dan seberapa yang dapat: bacalah itu selalu, nilai buruk baiknya, cacati kekurangannya, dan perhatikan dengan cermat apa-apa yang ada kelebihannya dan kesedapannya. Sementara itu cubalah pula mengarang

dalam bahasa Melayu atas apa-apa hal pun yang berguna, siarkan dalam suratkhobar-suratkhobar dan majalah Melayu – sama ada karangan-karangan yang baharu atau penilaian di atas buku-buku Melayu yang telah dibaca itu. Jika diamalkan membaca buku-buku Melayu selalu-selalu demikian ini nescaya dalam setahun dua sahaja lamanya orang yang membaca itu akan dapat mengarang Melayu dengan elok karangannya seperti gaya Melayu betul dan tiada sedar dan tiada disengaja-sengaja; dan jika diamalkannya selalu-selalu mengarang demikian itu pula nescaya dalam setahun dua sahaja pula bolehlah ia jadi pengarang yang bijak dan mengatas daripada pengarang-pengarang buku-buku Melayu yang telah dibacanya itu, kerana bahasa Melayu ini bahasanya sendiri.

Hanya satu syaratnya mempelajari bahasa dengan jalan ini: Janganlah merasa sombong dan takbur akan pengetahuan Barat yang telah ada kepada diri masing-masing itu; yakni sebab diri sendiri telah mendapat “*degree*” yang tinggi di Oxford dan Cambridge dan Leiden maka segala karangan-karangan bahasa Melayu itu dipandang rendah tiada berguna dibaca: “Pengarang-pengarangnya itu apa tahu? Bahasa Melayu ini lemah” dan sebagainya! Jika ada perasaan demikian nescaya sampai bila pun tiada akan boleh pandai dalam selok-belok bahasa sendiri, dan pengetahuan yang tinggi dari Oxford dan Cambridge dan Leiden itu tiada akan memberi guna kepada bahasa dan bangsa sendiri yang akan datang. Ada pun yang sebaik-baiknya segala pengajian dalam bahasa-bahasa Barat, Latin dan Greek dan sebagainya, yang telah diperoleh itu hendaklah dijadikan panduan dan bandiingan dan alat bagi menyiasat dan menghalus pengajian-pengajian dalam bahasa sendiri. Dengan demikian baharulah berhasil baik, berjaya dan berjasa.

*

[Siaran penutup karangan Tuan Za'ba ini akan disiarkan dalam “Qalam” yang akan datang – P.Q.]